



KHAMIS, 1 NOVEMBER 2018

CCO2018/119

## KENYATAAN MEDIA

### **Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Pengerusi LPU baharu Universiti Malaya**

---

**Kuala Lumpur, 1 November 2018** - Bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Yang Mulia Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) Universiti Malaya (UM) bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa pada 1 November 2018 hingga 31 Oktober 2021.

Anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan ini dilahirkan pada 15 Disember 1946 menerima pendidikan awal di Kota Bharu, Kelantan sebelum meneruskan pelajarannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran di *University of Manchester Institute of Science and Technology*, United Kingdom.

Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen adalah antara individu penting di sebalik penubuhan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor*) dan beliau merupakan Pengasas serta bekas Presiden pertama dan Ketua Pegawai Eksekutif *Malaysian Institut of Microelectronics System (MIMOS) Berhad*.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya dan pernah menyandang jawatan sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya dari 1975 hingga 1984.

Pengalaman korporat beliau dalam bidang Teknologi Maklumat telah membawa kepada pelantikan beliau dalam pelbagai jawatankuasa serta pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


Naib Canselor UM, Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim berkata, warga UM amat mengalu - alukan pelantikan ini memandangkan Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen merupakan individu yang tidak asing dalam bidang korporat dan Teknologi Maklumat.

“Semoga dengan pelantikan Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen sebagai Pengerusi LPU UM akan terus membawa UM ke mercu kecemerlangan.”

Seluruh warga UM berharap agar pelantikan ini akan menyumbang dan membawa UM ke arah pencapaian kemajuan akademik dan organisasi yang lebih cemerlang selaras dengan aspirasi dan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan serantau dan antarabangsa.

---

Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)  
Aras L, Bangunan Canseleri  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7967 3238 Faks: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my



Pengerusi LPU UM, Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim